



Kursus tanam cendawan

SERAMAI 27 orang peserta dari komuniti Pulau Pangkor dan Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita) Daerah Manjung menyertai Kursus Penanaman Cendawan di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang.

Pengerusi Puspanita Daerah Manjung, Fariza Mohd. Yusof berkata, program anjuran Pejabat Penghulu Pulau Pangkor dan Puspanita Daerah Manjung itu juga bertujuan untuk meningkatkan projek komuniti

Kebun Komuniti Cendawan yang akan dilaksanakan di Pulau Pangkor.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof. Dr Arifin Abdu pula berkata, kursus itu melatih peserta dalam aspek teknikal pertanian moden serta keusahawanan

■ PESERTA Kursus Penanaman Cendawan: Pembangunan Kemahiran dan Keusahawanan Sosial bergambar bersama di UPM, Serdang, Selangor baru-baru ini.